

KENYATAAN MEDIA



YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA
ARAS 4 (MENARA), NO. 13, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 2, 62623, WILAYAH PERSEKUTUAN

TEL : 03-8882 6887/6889

KENYATAAN MEDIA PENGANJURAN FOOD BANK MALAYSIA MASTERS 2019

PUTRAJAYA, 03 SEPTEMBER 2019– Program Food Bank Malaysia (PFBM) telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Program ini bertujuan untuk meringankan kos sara hidup golongan tersebut. Bermula dengan memberikan bantuan kepada kumpulan sasaran dan komuniti, program ini telah diperluaskan ke peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang dikenali sebagai Food Bank Siswa (FBS).

FBS akan diteruskan ke 123 buah IPT iaitu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Institut Pendidikan Guru dimana pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah akan menerima manfaat daripada program ini sebagai usaha menangani kos sara hidup yang dihadapi oleh mahasiswa dan fokus kepada pelajaran masing-masing.

Oleh yang demikian, bagi tujuan mengumpul dana bagi memantapkan lagi operasi dan perjalanan Program Food Bank Siswa ke seluruh negara, YFBM dan Malaysian Franchise Association (MFA) sebagai penganjur bersama akan menganjurkan pertandingan golf amal iaitu **FOOD BANK MALAYSIA MASTERS 2019** yang akan berlangsung pada **20 hingga 22 September 2019** bertempat di **Darulaman Golf & Country Club, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah**. Program yang berlangsung selama 3 hari ini akan menghimpunkan pemain-pemain golf dari seluruh negara dan

Program ini juga akan melibatkan beberapa penaja yang telah bersetuju untuk menyumbang daripada pelbagai aspek penganjuran. YFBM sangat berbesar hati di atas sumbangan ini dan turut mengalu-alukan sumbangan dalam apa jua bentuk untuk bersama-sama YFBM menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan

YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA

3 SEPTEMBER 2019
